

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

INSIDEN SUKE: ASPEK PENGURUSAN TRAFIK SEMASA PEMBINAAN DISIASAT

Standard serta garis panduan berkaitan pengurusan trafik di kawasan pembinaan akan ditambah baik

KUALA LUMPUR, 4 Mac 2021 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sedang menyiasat insiden yang berlaku di projek pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (Suke) dari aspek pengurusan trafik.

Di dalam insiden tersebut, siasatan pasukan penguatkuasa CIDB yang berada di lokasi semalam mendapati satu jentera *Loader* yang melalui Lebuhraya Lingakaran Tengah 2 (MRR2) menghala ke Ulu Kelang telah melanggar kerangka keluli yang menyanggar platform *Crosshead*. Semasa pelanggaran berlaku, beberapa struktur kerangka keluli telah jatuh dan menghempap van pekerja yang membawa 5 orang warganegara tempatan yang menghala ke Sungai Besi. Dua orang pekerja yang berada di dalam van tersebut meninggal dunia di tempat kejadian, manakala tiga lagi, termasuk pemandu selamat.

“Pengurusan Trafik yang baik semasa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan adalah kritikal bagi memastikan ia tidak membahayakan pengguna lebuhraya,” kata Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid.

Siasatan berkenaan aspek ini boleh dibuat mengikut Seksyen 34B dan 34C Akta 520 yang berkaitan Kewajipan Kontraktor dalam memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan dijalankan. Jika didapati bersalah, kontraktor boleh didenda tidak melebihi RM500,000.

“CIDB memandang serius perkara ini dan bersedia bekerjasama dengan semua agensi berkaitan serta penggiat industri untuk menambah baik standard serta garis panduan sedia ada mengenai pengurusan trafik semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan,” kata Datuk Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.cidb.gov.my

#####

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.